

**NO SOALAN :33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK UGAK ANAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.11.2017**

**Y.B. DATUK UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina satu UTC di Pekan Kapit.

**JAWAPAN**

Untuk makluman YB, Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Hasrat kerajaan adalah untuk menubuhkan UTC di setiap ibu negeri di Malaysia yang dikenali sebagai UTC Negeri dan sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan akan mewujudkan UTC Bandar di **bandar-**

**bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi** dan mengambil kira jarak antara sesuatu lokasi UTC. Untuk makluman YB juga, buat masa ini Kerajaan telah menubuhkan tiga (3) UTC di Sarawak iaitu UTC Sarawak di Kuching, UTC Sibu dan UTC Miri. Memandangkan Pekan Kapit tidak mempunyai kepadatan penduduk dan prasarana yang sesuai buat masa ini, Kementerian Kewangan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya pada masa akan datang.